

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes "bully" setiap tahun di kalangan murid sekolah rendah dan menengah dan apakah punca /sebab kes-kes tersebut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengatasi masalah "bully" ini

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius perbuatan buli yang berlaku di sekolah. KPM telah mengambil inisiatif untuk mengedarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah untuk memberi kefahaman serta kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Melalui buku tersebut, warga sekolah memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli.

Punca atau sebab berlakunya kes buli berlaku adalah seperti berikut :

1. Faktor diri sendiri iaitu memberontak, terikut-ikut dengan budaya asing melalui media massa.

2. Faktor keluarga iaitu keluarga yang tidak bahagia/ sering bergaduh.
3. Faktor persekitaran iaitu pengaruh rakan sebaya, persekitaran tempat tinggal.
4. Faktor ekonomi iaitu tinggal dalam keadaan serba kekurangan.

KPM memberi penegasan kepada setiap sekolah untuk mematuhi garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah melalui:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 “Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 29 Julai 2010.
2. Surat Siaran KP (BS-SPPK) 601/1 (16) “Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid” bertarikh 11 Mac 2009.
3. Surat Siaran KP (BPSH –SPKD) 601 / 01 Jld.11(16) “Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 11 November 2011.

KPM juga menyediakan garis panduan menangani buli melalui pembudayaan amalan penyayang dalam kalangan murid di sekolah dan asrama dengan objektifnya agar murid-murid menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. MOHD HATTA BIN RAMLI**
[KUALA KRAI]
TARIKH : **26 MEI 2016**
SOALAN : **136**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) jumlah graduan bidang bioteknologi yang dilahirkan sejak Dasar Bioteknologi Negara dilancarkan; dan
- (b) ke mana arah tuju dasar itu dan apakah peluang pekerjaan kepada para graduan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bioteknologi merupakan suatu bidang yang dikenal pasti berpotensi menjadi salah satu enjin baru pertumbuhan ekonomi negara. Dasar Bioteknologi Negara (DBN) merupakan komitmen kerajaan untuk menerokai bidang bioteknologi dalam usaha membangunkan ekonomi berteraskan inovasi. DBN dilaksanakan melalui tiga fasa iaitu Pembangunan Kapasiti (2005-2010), Sains ke Perniagaan (2011-2015) dan Perniagaan Global (2016-2020).

Pelaksanaan Fasa 1 DBN telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan. Melalui fasa ini, sejumlah 54,776 peluang pekerjaan telah diwujudkan iaitu melepasi sasaran 40,000 peluang pekerjaan seperti yang ditetapkan dalam DBN. Dalam fasa ini juga seramai 591 graduan peringkat sarjana dan 230 peringkat kedoktoran telah dihasilkan **melalui dana penyelidikan MOSTI**.

Fasa 2 DBN pula memfokuskan kepada sains ke perniagaan. Melalui fasa ini sebanyak 23,319 peluang pekerjaan dan seramai 708 graduan Sarjana serta 310 graduan kedoktoran telah dihasilkan.

Secara keseluruhan, jumlah graduan dalam bidang bioteknologi yang dikeluarkan oleh **Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** adalah seramai **10,450 orang** bagi tahun 2008 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, seramai 9,410 graduan (responden) telah mengisi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG), Kementerian Pendidikan Tinggi semasa konvokesyen dan menunjukkan seramai 5,951 graduan bioteknologi atau 63.24% telah bekerja semasa konvokesyen.

Tuan Yang di-Pertua,

Kini Dasar Bioteknologi Negara berada di Fasa 3 iaitu membawa industri bioteknologi negara ke pasaran global. Sasaran fasa ini ialah untuk membantu meningkatkan kemampuan sekurang-kurangnya 20 buah syarikat bioteknologi tempatan menjadi

syarikat bertaraf global. Pada masa yang sama, sebanyak 160,000 peluang pekerjaan turut disasarkan.

Peluang pekerjaan dalam bidang bioteknologi bukan sahaja tertumpu kepada kerjaya langsung dalam bidang penyelidikan, malah turut merangkumi pekerjaan tidak langsung seperti pakar runding, pembekal barangan saintifik, eksekutif pemasaran dan lain-lain. Di samping itu, sektor ini terbuka luas untuk graduan melibatkan diri sebagai usahawan industri berasaskan bio (*bio-based industries*) di peringkat hulu mahupun hiliran dalam bidang farmaseutikal, perubatan, pemakanan, pertanian, penternakan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN M.KULASEGARAN**
[IPOH BARAT]
TARIKH : **26 MEI 2016 [KHAMIS]**
SOALAN : **137**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) betapa seriusnya kesan El Niño dan La Niña; dan
- (b) bagaimanakah paras suhu cuaca yang tidak menentu dan semakin tinggi ini akan menjejaskan kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

El Niño dan La Niña merupakan fenomena cuaca berskala besar yang berlaku di tengah dan timur Lautan Pasifik. Fenomena ini dijangka memberi kesan kepada perubahan cuaca di negara-negara sekitar Lautan Pasifik sehingga ke rantau Asia Tenggara dan Australia.

Di Malaysia, fenomena El Niño yang kuat lazimnya memberi peningkatan suhu antara 0.5°C hingga 3.0°C dan berlaku antara bulan Januari hingga April. Suhu maksimum yang dicatatkan sehingga kini adalah 39.3°C di Batu Embun, Pahang pada 10 April 2016.

Fenomena El Niño ini telah menyebabkan jumlah hujan berkurangan sehingga melebihi 60% terutamanya di negeri-negeri utara dan pantai timur Semenanjung, Sabah serta utara Sarawak. Jumlah hari tanpa hujan tertinggi sehingga kini

dicatatkan di Langkawi, Kedah iaitu 49 hari bermula dari 15 Februari hingga 3 April 2016.

El Niño juga turut menyebabkan tempoh Monsun Timur Laut yang bermula November 2015 menjadi lebih panjang dengan intensiti yang sederhana. Manakala tempoh Musim Peralihan Monsun iaitu dari bulan Mac hingga April 2016 menjadi lebih pendek dan jumlah taburan hujan kurang berbanding biasa.

Keadaan cuaca panas akibat daripada peningkatan suhu boleh mencetuskan gelombang haba. Kejadian gelombang haba terjadi apabila suhu maksimum melebihi 37.0°C selama 3 hari berturut-turut. Kes kesihatan akibat gelombang haba melibatkan Kejang Haba (*Heat Cramp*), Kelesuan Haba (*Heat Exhaustion*) dan Strok Haba (*Heat Stroke*). El Niño turut memberi kesan kepada penyakit bawaan vektor dan penyakit bawaan makanan dan air. Keadaan cuaca panas dan kering semasa El Niño ini juga boleh mengakibatkan berlakunya kejadian kebakaran hutan dan keadaan cuaca yang berjerebu sekiranya tidak terkawal.

Fenomena El Niño kuat yang berlaku pada tahun ini telah pun melemah mulai Februari 2016. Pemantauan terkini oleh *International Research Institute (IRI) for Climate and Society* iaitu badan antarabangsa yang bertanggungjawab memantau El Niño menjangkakan kekuatannya akan berkurangan secara perlahan dan berada pada tahap neutral mulai pertengahan 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

IRI turut menjangkakan La Niña akan berlaku pada akhir tahun ini dengan kebarangkalian 60%. La Niña adalah fenomena yang berlawanan dengan fenomena El Niño. Fenomena La Niña berlaku apabila suhu permukaan laut di kawasan tropika di timur dan tengah Laut Pasifik adalah lebih sejuk dari biasa. Tiga kejadian fenomena

La Niña yang pernah berlaku ialah antara bulan Ogos 2011 hingga Mac 2012, Julai 2010 hingga April 2011 dan Ogos 2007 hingga Jun 2008.

Di Malaysia, kesan fenomena La Niña tidak seteruk kesan yang berlaku semasa El Niño. Secara teorinya, La Niña akan meningkatkan jumlah taburan hujan yang diterima oleh negara kerana kawasan yang lebih lembap dan berawan akan berada di rantau Asia Tenggara termasuk utara Australia. Walau bagaimanapun, kesan La Niña di Malaysia didapati tidak berkait secara langsung dengan kejadian banjir besar yang pernah berlaku di negara kita.

Sebagai contoh, tiada fenomena La Niña berlaku pada 2014 tetapi telah berlaku kejadian banjir besar di Kuala Krai, Kelantan dan beberapa kawasan di Pahang dan Terengganu. Begitu juga banjir besar yang melanda Johor dan sebahagian kawasan di Negeri Sembilan dan Melaka pada Disember 2006 dan Januari 2007 juga berlaku semasa ketiadaan fenomena La Niña. Pemerhatian mendapati kejadian banjir besar tersebut berlaku adalah disebabkan oleh kesan luruan angin sejuk yang membawa hujan lebat secara berterusan semasa musim Monsun Timur Laut.

Sekian, terima kasih.